

# Kementerian Kerja Raya peroleh kelulusan peruntukan RM2.5b

KUALA LUMPUR 22 Jun - Kementerian Kerja Raya memperoleh kelulusan peruntukan RM2.5 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) lebih cepat berbanding rancangan-rancangan Malaysia terdahulu.

Menterinya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, ia jelas menunjukkan komitmen tinggi kerajaan untuk melaksanakan semua projek yang telah dirancang di bawah RMK-9.

"Dahulu apabila sesuatu Rancangan Malaysia itu selesai dibentangkan di Parlimen, ia (peruntukan) mengambil masa selama empat atau lima bulan untuk diluluskan.

"Tetapi kali ini kerajaan memberi kelulusan dengan begitu cepat, tidak sampai empat bulan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kementeriannya, di sini hari ini.

Kenyataan Samy Vellu itu sekali gus menyangkal dakwaan pihak-pihak tertentu yang sebelum ini menyatakan kerajaan tidak cukup wang untuk melaksanakan kesemua projek RMK-9 yang bernilai RM200 bilion.

Ahad lalu, Abdullah menegaskan bahawa kerajaan mempunyai wang yang cukup untuk melaksanakan semua projek yang telah dirancang dalam RMK-9.

Samy Vellu berkata, kementeriannya juga menyediakan satu pelan strategik bagi memastikan semua projek kementerian itu di bawah RMK-9 berjalan lancar.

Pihak kami kini sudah bersedia untuk menjayakan misi kerajaan ini," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa kontraktor yang gagal menyiapkan projek kerajaan tidak akan diberi hotis peringatan, sebaliknya kontrak mereka akan ditarik balik.

"Dulu kita beri mereka (kontraktor) peluang tetapi nampak gayanya peluang itu tidak digunakan, maka kerajaan perlu bertegas, tiada cara lain," tegasnya.